

Pendapatan rakyat Malaysia naik 6.2%

UM - 26/2/2007

FRANKFURT 25 Feb. - Gaji di Malaysia meningkat sebanyak 6.2 peratus tahun lepas, menurut tinjauan oleh Hewitt Associates, sebuah syarikat perkhidmatan penyumberan luar dan perunding sumber manusia yang berpangkalan di Illinois, Amerika Syarikat.

Dengan tajuk "Tinjauan Kenaikan Gaji Asia-Pasifik ke-7", ia bagaimanapun menyatakan India mencatat kenaikan gaji tertinggi di Asia, dengan pendapatan pekerja meningkat 13.8 peratus berbanding tahun sebelumnya (2005), 14.1 peratus.

Namun seluruh rantau Asia-Pasifik, termasuk Malaysia, mencatatkan apa yang disifatkan oleh tinjauan itu sebagai "kenaikan gaji yang stabil" dalam semua pasaran, selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kekal dan berterusan.

Hewitt Associates mempunyai pejabat di Asia-Pasifik, Eropah dan Benua Amerika.

Tinjauan itu menyatakan bakat utama merupakan "komoditi yang begitu dicari-cari di Asia" sebagaimana juga di kebanyakan negara maju.

Bagi mendapatkan bakat terbaik dengan komitmen jangka panjang kepada syarikat, majikan sanggup menawarkan ganjaran optimum kepada bakal kakitangan.

"Secara keseluruhannya, syarikat-syarikat kini menganalisis strategi sumber manusia masing-masing bagi merangsang kecekapan kerja kakitangan demi mempertingkatkan produktiviti syarikat," kata Vito Pugliese, seorang pakar mengenai pendapatan pekerja di Hewitt Associates.

Menurut tinjauan itu, pendapatan tahunan pekerja di Filipina meningkat buat kali kedua berturut-turut pada purata 8.2 peratus sementara pendapatan di China meningkat 8 peratus (2005: 8.3 peratus).

Di Thailand, gaji naik sebanyak 6.5 peratus (2005: 6.3 peratus) dan di Malaysia sebanyak 6.2 peratus (2005: 5.6 peratus).

Singapura, dengan pertumbuhan ekonomi yang baik tahun lepas, memberi kenaikan gaji pada purata 4.6 peratus (2005: 3.9 peratus).

Lebih 1,400 syarikat dari Australia, China, Hong Kong, India, Jepun, Korea Selatan, Macau, Malaysia, Filipina, Singapura, Taiwan dan Thailand menyertai tinjauan itu.

Satu daripada hasil tinjauan menarik ialah 78 peratus dari syarikat yang ditinjau telah melaksanakan "sistem variable" dalam pemberian faedah kepada pekerja.

- Bernama